

TRADISI VERNAKULAR SENI BINA MELAYU TRADISIONAL DALAM TEKS HISTORIOGRAFI MELAYU.¹

Siti Rabiatul Adawiah BintiJaffar
Arba'ie Bin Sujud
Salmah Jan Binti Noor Muhammad
Kamariah Binti Kamarudin

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti
Putra Malaysia (UPM), Serdang.

sitirabiataladawiah@gmail.com (019-7439334)²
arbaie@upm.edu.my (03-89468662)
salmahjan@upm.edu.my (03-89468318)
kkamaria@upm.edu.my (03-89468755)

Abstrak

Vernakular merupakan istilah yang berasal dari kata Latin *vernaculus* yang bermaksud domestik atau tempatan yang jelas berfokus kepada 'tempat'. Walau bagaimanapun, dalam konteks ini, tradisi vernacular jelas member penekanan terhadap keadaan tempat, bahan tempatan, persekitaran dan tingkah laku serta adat istiadat tempatan yang berfokus kepada masyarakat Melayu tradisional. Hal ini diperlihatkan menerusi hasil budaya ketara, misalnya, seni bina Melayu tradisional yang terdiri daripada bangunan Melayu tradisional. Penelitian tradisi vernacular terhadap seni bina tradisional Melayu memaparkan wujudnya jalinan atau perkaitan rapat masyarakat Melayu dengan alam persekitaran, yang jelas merupakan sumber utama kehidupan masyarakatnya. Justeru, bagi mengetengahkan perihal tradisi vernakular seni bina tradisional Melayu, penelitian akan dijalankan ke atas teks historiografi Melayu bertujuan untuk memperlihatkan jalinan hubungan masyarakat Melayu dengan alam persekitaran, seterusnya menjelaskan keupayaannya memenuhi tujuan penghasilan bangunan Melayu tradisional, merangkumi fungsinya sebagai pelindung dari keadaan semasa dan kebudayaan Melayu. Tambahan pula, kedah kajian kepustakaan akan digunakan dalam perbincangan ini.

Kata kunci: vernakular, seni bina Melayu, Teks Historiografi Melayu, bangunan tradisional, alam persekitaran.

Pengenalan

¹ Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 pada 10-12 Oktober 2017 bertempat di Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

² Wakil penulis (*corresponding author*)

Vernakular merupakan istilah yang dipercayai berasal dari kata Latin, *verna* atau *vernaculus* yang bermaksud domestik [tidak asing] dan asli yang dipilih oleh Rudofsky (1964), iaitu pengasas penggunaan istilah terbabit, bagi mengklasifikasikan seni bina tempatan. Kemudian, istilah vernakular diperjelaskan dengan lebih terperinci apabila didefinisikan sebagai seni bina yang berkaitan dengan konteks persekitaran dan sumber-sumber tersedia yang lazim wujud atau dipunyai, dan digunakan dalam teknologi tradisional, malah, dikatakan sebagai penghasilan bangunan yang diperlukan oleh rakyat, bersandarkan kepada kesesuaian persekitaran oleh khalayak semasa (Oliver ed., 1997). Hal ini kemudiannya diperincikan oleh Ravi S. Singh (2006), dengan menyatakan bahawa seni bina vernakular [rumah] dirujuk sebagai binaan bangunan yang dihasilkan oleh bahan tempatan dan teknologi binaan yang bersesuaian dengan iklim semasa dalam merefleksikan budaya dan gaya hidup masyarakatnya (Ira Mentayani ed., 2012: 70). Pendefinisian ini dikuatkan lagi dengan pandangan oleh Ira Mentayani (2012:70) yang menyatakan seni bina vernakular sebagai reka bentuk binaan tanpa arkitek yang bersesuaian dengan iklim tempatan, menggunakan teknik dan bahan binaan tempatan, dipengaruhi aspek sosial, budaya dan ekonomi masyarakat tempatan. Dalam konteks ini, jelas bahawa, seni bina vernakular adalah binaan yang bersandarkan kepada unsur tempatan, meliputi masyarakat, iklim dan persekitaran, bahan dan teknik binaan tradisional serta dipengaruhi oleh aspek sosial dalam menggambarkan budaya dan cara hidup masyarakatnya.

Dalam hubungan ini, ditekankan beberapa ciri dalam penelitian seni bina vernakular, antaranya;

1. Pembinaan melibatkan masyarakat tempatan, tanpa adanya pengetahuan khas berkenaan seni binaan.
2. Dibina dengan menggunakan bahan tempatan
3. Menggunakan teknik-teknik tertentu bercorak tradisional
4. Pembinaan yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran [iklim, budaya dan sosial] tempatan
5. Penghasilannya adalah dengan tujuan untuk memenuhi keperluan semasa masyarakatnya, meliputi keperluan fizikal dan sosial
6. Penghasilannya yang menggambarkan budaya dan gaya hidup masyarakatnya.

Sementelahan itu, seni bina vernakular ini jelas digunakan dalam meneliti binaan di setiap pelosok dunia, termasuklah tanah Melayu. Hal ini apabila Rudofsky (1964) mengetengahkan perihal vernakular dalam seni bina dengan tujuan untuk mengklasifikasikan binaan tempatan yang berfokus kepada bangunan [rumah] dalam meneliti reka bentuk yang terdapat di setiap pelosok dunia (Ira Mentayani ed., 2012: 69). Sementelahan itu, seni bina Melayu turut dianggap sebagai “vernacular architecture”, apabila seni binanya jelas menekankan aspek-aspek tempatan, apabila ia dibina oleh masyarakat Melayu di tanah Melayu, berdasarkan keperluan khalayak, dengan bersandarkan kepada alam semula jadi dan persekitaran, dengan gabungan dan

merefleksikan cara kehidupan dan kebudayaan masyarakatnya (Lim Jee Yuan, 1987, 6).

Dalam pada itu, seni bina Melayu yang menggambarkan ciri-ciri vernakular turut diperlihatkan berdasarkan binaan-binaan tradisional, yang banyak terdapat pada hasil persejarahan masyarakat Melayu. Hal ini meliputi catatan-catatan pada manuskrip Melayu seperti *Sulalatus Salatin* (seterusnya *SS*) dan *Misa Melayu* (seterusnya *MM*). Penelitian bersandarkan kepada manuskrip Melayu diperakui keberkesannya berbanding kajian dalam bentuk lain, sebagaimana yang dijelaskan oleh Soebadijo (1974) iaitu “maklumat yang diperoleh dari hasil tulisan memberi maklumat yang lebih jelas berbanding maklumat dalam bentuk lain” (Siti Chamamah, 2009: 54).

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks sebagai kaedah utama. Kajian kepustakaan ini melibatkan proses pencarian maklumat daripada pelbagai sumber berkaitan. Selain itu, kaedah menganalisis teks pula melibatkan bacaan kritis dan pertimbangan serta penilaian terhadap pembentukan kawasan sejarah yang terkandung di dalam teks *SS* dan *MM* sebagai teks kajian.

Seni Bina Vernakular Melayu dalam Teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*

Seni bina vernakular Melayu dalam konteks ini memperlihatkan wujudnya kriteria tertentu bersandarkan kepada ciri-ciri yang dijelaskan sebelum ini. Hal ini diperlihatkan menerusi seni bina bangunan Melayu, yang jelas merujuk kepada binaan kediaman pada teks *SS* dan *MM*, merangkumi istana Melayu tradisional. Bangunan Melayu tradisional umumnya dihasilkan dengan menggunakan tradisi tertentu, yang jelas menganjur kepada teknik pembinaannya. Hal ini merujuk kepada proses pembinaan dengan menggunakan tradisi lisan sebagai langkah permulaan penghasilan sesebuah bangunan. Dalam konteks ini, tradisi lisan sering dikaitkan dengan penyampaian, meliputi tradisi yang disampaikan secara verbal dan perlakuan yang tidak hanya terbatas kepada seni penyampaian cerita sahaja, bahkan, meluas kepada pelbagai bidang. Hal ini melibatkan penguasaan kemahiran dalam pertukangan atau seni bina dalam kalangan masyarakatnya, yang turut melibatkan penghasilan budaya ketara bangunan. Menurut Wan Abd Kadir Wan Yusuf (Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff ed., 2007: 28), seni pertukangan Melayu tradisional tidak memerlukan pelan bagi membina bangunan, namun memadai dengan hanya menerangkan binaan yang dikehendaki secara lisan. Hal ini turut diketengahkan dalam teks kajian, sebagaimana yang dijelaskan menerusi petikan *MM* berikut:

“...sekarang kita hendak membuat sebuah mahligai akan istana kita, kerana tiada pernah raja-raja yang dahulu membuat seperti kehendak beta ini; sebab itulah, maka kita kehendaki membuat dia, supaya bolehlah akan zaman kita disebut orang kemudian kelak... Maka titah baginda, “Allah Taala juga tahukan perbuatan demikian itu; akan sekarang ini pada pendapat kita, hendaklah dibicarakan ramai-ramai, kalau-kalau dapatlah kita membuat dia, melainkan oleh Raja Muda dan segala orang besar-besar baiklah suruhkan segala orang menetak ramuannya supaya segera kita perbuat.”
(*MM*, 1992: 52)

Petikan berikut menunjukkan penjelasan Sultan Iskandar Zulkarnain berkenaan reka bentuk mahligai yang ingin dibina di Pulau Indera Sakti. Penjelasan yang disampaikan secara lisan, melalui penyampaian mulut kepada Raja Muda dan para pembesar merupakan salah satu tradisi lisan yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional. Hakikatnya, tradisi lisan dalam konteks masyarakat jelas memperlihatkan kepentingannya dalam penyebaran ilmu pengetahuan dan perkembangan ilmu pengetahuan sekali gus membentuk proses sosialisasi masyarakat khalayak.

Penghasilan seni bina Melayu yang bersandar kepada tradisi lisan memperlihatkan wujudnya kriteria seni bina vernakular apabila pembinaan bangunan terbabit dibina tanpa sistem-sistem tertentu, melibatkan pelan pembinaan, arkitek khas dan pengetahuan tertentu berkenaan seni bina dan reka bentuknya. Hal ini bertepatan dengan pandangan Brunskill (2000: 27-28) berkenaan seni bina vernakular, iaitu bangunan yang direka oleh amatir tanpa sebarang latihan atau pengetahuan berkenaan seni bina.

Di samping itu, penghasilan sesebuah binaan adalah bertujuan dalam memenuhi keperluan semasa masyarakatnya sebagaimana penghasilan sesebuah bangunan, yang turut bertujuan dalam memenuhi keperluan kehidupan masyarakat setempat (Muhammad Afandi Yahya, 1995: 11). Keperluan ini merujuk kepada melindungi diri, keluarga dan masyarakat dari pelbagai ancaman sebagaimana yang dijelaskan oleh Mokhtar Haji Ismail (1992: xxi-xxii), bangunan yang dibina oleh masyarakat Melayu tradisional berfungsi sebagai perlindungan dan kediaman yang melindungi manusia dari berbagai-bagai cabaran kehidupan, berkaitan dengan alam persekitaran termasuklah cuaca dan binatang buas. Oleh hal demikian, bagi memastikan tujuan pembinaan bangunan dapat dipenuhi, kekukuhan dan kekuatan bangunan merupakan syarat utama dalam pembinaan hasil budaya ketara tersebut. Penumpuan haruslah diberikan sebaiknya pada bahagian terpenting yang menjamin kepada kekuatan binaan bangunan.

Bahagian tiang merupakan bahagian terpenting dalam seni bina bangunan tradisional Melayu. Hal ini pada asasnya berhubung dengan ciri kestabilan dan kekukuhan sesebuah bangunan. Tiang memainkan peranan penting pada perenggan tiang disebabkan fungsinya yang perlu menanggung beban berat perenggan-perenggan yang lain. Hal ini hakikatnya bersangkutan paut dengan saiz atau ukuran bahagian tersebut. Bagi memastikan ciri kestabilan dan kekukuhan bangunan terus terpelihara, pemilihan saiz tiang yang betul dan bersesuaian menjadi keutamaan. Penentuan ukuran sesebuah tiang, perlu diambil kira ukuran atau saiz perenggan lain, bagi memastikan tiang mampu menyokong keseluruhan binaan bangunan termasuk perenggan bumbung dan perenggan dinding.

“Adapun besar istana itu tujuh belas ruang... besar tiangnya sepemeluk,
tujuh pangkat kemuncaknya.” (SSSM, 1979: 133)

Petikan memerihalkan ukuran pada bahagian bumbung dan dinding bangunan, iaitu bumbung setinggi tujuh tingkat dan ruangan istana sebesar tujuh belas ruang. Manakala, tiang pada istana Sultan Mansur Syah dinyatakan berukuran sepemeluk. Penggunaan tiang bersaiz besar pada binaan istana tersebut adalah berkait rapat dengan ciri yang ada pada perenggan yang lain. Semakin besar atau tinggi ruang dan bumbung

bangunan, semakin besar tiang yang diperlukan. Hal ini penting bagi memastikan kestabilan dan kekukuhan binaan berkenaan.

Tiang juga dianggap sebagai bahagian terpenting disebabkan fungsinya sebagai penyambung keseluruhan unit-unit bangunan Melayu tradisional. Sistem penyambung pada tiang ini bergantung sepenuhnya kepada komponen rasuk, iaitu kayu-kayu panjang yang dihubungkan dari tiang ke tiang melalui lubang-lubang pada tiang tersebut (Mokhtar Haji Ismail, 1992: 12). Kekukuhan ini hakikatnya bergantung dengan kekuatan pada komponen rasuk, yang jelas berkait dengan unsur-unsur penghasilannya. Hal ini termasuklah bahan pembuatan dan ukuran rasuk tersebut. Hal ini diperlihatkan menerusi petikan berikut:

“Maka Sultan Mansur Syah pun berkenan melihat perbuatan istana itu, maka baginda lalu pergi ke penanggahan. Maka dilihat oleh Sultan Mansur Syah satu rasuk penanggahan itu putih lagi kecil; maka titah baginda, “Apa rasuk itu? Maka sembah segala raja-raja itu, “Ibul, Tuanku.” Maka titah Sultan Mansur Syah, “Hendak sangat gerangan Bendahara.” Setelah itu baginda pun kembalilah; tatkala itu Tun Segara mengiring baginda... maka Tun Indera Segara pergi memberitahu Bendahara mengatakan Yang Dipertuan murka oleh rasuk itu kecil. Setelah didengar Bendahara kata Tun Indera Segara itu, maka Bendahara segeralah menyuruh beramu rasuk kulim, sehasta lebarnya, sejengkal tebalnya. Maka dengan sesat itu juga datanglah rasuk itu dibawa orang; maka bendahara telah sendirinya pergi ke penanggahan mengenakan rasuk itu. Maka bunyi orang bekerja itu kedengaran pada sultan Mansur Syah, maka baginda bertanya, “Mengapa orang riuh itu?”

(SS, 1979: 134)

Menerusi petikan, memperlihatkan penekanan aspek ukuran dan bahan rasuk pada binaan Mahligai Hawa Nafsu. Pada bahagian penanggahan atau rumah dapur, digambarkan komponen rasuk mulanya diperbuat dari kayu ibul dengan ukuran yang kecil. Sultan Mansur Syah yang berpuas hati dengan keseluruhan pembinaan istana berkenaan, tidak senang dengan komponen rasuk pada bahagian tersebut, terutamanya melibatkan saiz rasuk yang kecil, sedangkan binaan bangunan istana tersebut mempunyai tujuh belas ruang dengan ketinggian tujuh tingkat. Oleh hal demikian, Bendahara sebagai ketua pembinaan menggantikan rasuk tersebut dengan rasuk lain yang digambarkan lebih besar, berukuran lebar sehasta, tebal sejengkal tiga jari dan dihasilkan dari bahan kayu kulim.

Dalam konteks kajian, komponen rasuk diberikan penekanan sebagai komponen terpenting bagi memastikan kekukuhan binaan istana. Kekuatan rasuk pula bergantung kepada jenis bahan dan ukuran komponen berkenaan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Aryanti Abd Rashid (2010: 17), semakin besar beban yang ditanggung rasuk, semakin besar ukuran rasuk yang diperlukan. Oleh hal demikian, jelaslah bahawa, pemilihan ukuran komponen rasuk yang betul dapat memastikan keutuhan dan kestabilan sesebuah bangunan.

Kestabilan sesebuah bangunan juga bergantung pada pemilihan bahan dalam penghasilan rasuk. Hal ini bagi memastikan bangunan yang dibina kukuh dan selamat. Pada petikan, Bendahara menggantikan komponen rasuk daripada kayu ibul kepada

rasuk yang diperbuat daripada kayu kulim, iaitu antara jenis kayu yang banyak terdapat di persekitaran tanah Melayu. Kayu kulim mempunyai ciri-ciri tertentu sesuai digunakan sebagai bahan dalam pembinaan bangunan. Antaranya ialah bersifat keras dan berat, tahan lama, mempunyai tekstur yang halus, rentan dari gangguan serangga dan mempunyai serat kayu bersepadu (J.F Dumanauw, 2001: 22-23). Dengan itu, jelas bahawa ciri-ciri yang terdapat pada kayu kulim menjadi faktor utama pemilihan kayu tersebut sebagai antara kayu terbaik dalam pembinaan bangunan Melayu tradisional.

Selain itu, ciri vernakular pada seni bina Melayu tradisional turut diperlihatkan menerusi reka bentuk pada bangunan tradisional Melayu. Dalam pembinaan sesebuah bangunan, ilmu pengetahuan berhubung dengan alam dan fenomena persekitaran perlu dipertimbangkan dalam memastikan hasil budaya ketara tersebut mampu menjamin kesejahteraan sosial masyarakatnya. Hal ini terutamanya yang berkaitan dengan iklim dan cuaca setempat. Hubungan rekaan bangunan dengan persekitaran dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Adapun akan Sultan Mansur Syah pun pindahlah tiada mahu diam lagi pada istana tempat Hang Jebat mati itu. Maka baginda memberi titah kepada Bendahara Paduka Raja, menyuruh membuat istana. Maka Bendahara sendiri mengadap dia, kerana adat Bendahara pegangannya Bintan. Adapun besar istana itu tujuh belas ruang, pada seruang tiga-tiga depa luasnya; besar tiangnya sepemeluk, tujuh pangkat kemuncaknya. Pada antara itu diberinya terkapa-kapa...”

(SS, 1979: 133)

Petikan tersebut merupakan gambaran reka bentuk asas istana Sultan Mansur Syah yang memperlihatkan hubungannya dengan alam sekitar menerusi reka bentuk bumbungnya. Istana tersebut dinyatakan memakai reka bentuk bumbung ‘kapa-kapa’ atau reka bentuk bumbung lipat kajang atau bumbung perahu (Teuku Iskandar, 2007: 672). Malahan, perenggan bumbung tersebut turut dilengkapi dengan komponen tebar layar berukir dan bumbung tambahan.

Dalam hubungan ini, reka bentuk lipat kajang pada bumbung bangunan istana berkenaan merupakan rekaan yang sesuai digunakan pada bangunan-bangunan di kawasan beriklim khatulistiwa, seperti semenanjung tanah Melayu termasuklah Melaka. Hal ini demikian kerana reka bentuk bumbung tersebut mampu menghadapi cabaran dan tekanan fenomena alam di kawasan berkenaan. Keadaan kawasan beriklim khatulistiwa secara amnya mengalami keadaan cuaca panas dan lembap sepanjang tahun, keadaan panas terik, menerima purata hujan yang tinggi dan angin kencang di musim tengkujuh. Keadaan cuaca yang tidak menentu dapat menjadi antara ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut, bahkan memberi kesan buruk ke atas binaan bangunan-bangunannya. Oleh itu, permasalahan tersebut dapat diatasi menerusi pengaplikasian reka bentuk bumbung yang bersesuaian dengan keadaan iklim setempat.

Kesesuaian reka bentuk bumbung lipat kajang dengan keadaan iklim tempatan adalah disebabkan bumbung tersebut mempunyai rekaan bumbung curam, yang tirus di bahagian atas dan melebar ke bawah seakan bentuk huruf V terbalik. Rekaan tersebut dapat berfungsi sebagai pengunjukan yang membantu memudahkan pengaliran air hujan yang jatuh ke bahagian atas bumbung bangunan terus ke tanah.

Tambahan pula, bahagian hujung bumbung yang melebar ke bawah dapat berfungsi bagi melindungi bahagian dalam bangunan, terutamanya bagi ruang yang tidak berdingin, daripada pelbagai ancaman cuaca seperti tempas hujan dan bahang terik matahari.

Di samping itu, bahagian bumbung lipat kajang juga dapat melindungi penghuni dan bangunan dari tekanan iklim yang melibatkan angin kencang semasa musim tengkujuh. Hal ini berkait dengan bukaan pada bumbung curam yang dikatakan lebih luas berbanding jenis bumbung yang lain. Malah, komponen pada bumbung seperti tebar layar juga turut membantu kepada pengaliran sistem pengudaraan bagi bumbung bangunan.

“...sekaliannya bersayap layang-layang, sekaliannya itu diukir dan bersengkuap. Pada antara sengkuap itu diperbuatnya belalang bersagi; sekaliannya dicat dengan air emas.”
(SS, 1979: 133)

Petikan memerihalkan komponen tebar layar pada bahagian bumbung istana, yang dilengkapi dengan pelbagai ukiran sebagai komponen bukaan atau juga dikenali dengan celahan terbuka. Menerusi celahan terbuka, membolehkan berlakunya pergerakan udara menembusi bangunan sekali gus membantu kepada pengaliran udara melalui bangunan tersebut. Sekiranya berlaku fenomena angin kencang, udara tersebut dapat bergerak bebas melalui komponen bukaan seterusnya menyamakan ruang dalaman. Bahkan, memastikan kelangsungan pengaliran udara bersih ke ruang dalaman bangunan.

Dalam pada itu, sistem pengudaraan pada bangunan Melayu tradisional ini juga dikaitkan dengan komponen bukaan pada perenggan dinding, yang terdiri daripada tingkap, pintu dan celahan terbuka. Hal ini kerana, komponen tersebut membantu memudahkan udara keluar masuk bangunan justeru melancarkan sistem pengudaraan tersebut. Perihal penggunaan komponen bukaan ini banyak dijelaskan menerusi teks Melayu tradisional sebagaimana yang terdapat pada petikan di bawah:

Berkambi lagi bersengkuap,
Berkisi-kisi lagi berlarik
Seisi negeri menerima sawab,
Sehari-hari persembahan naik”
(MM, 1992: 130)

Petikan puisi di atas merupakan gambaran komponen bukaan pada Mahligai Mercuri Alam, iaitu tingkap atau sengkuap dan kisi-kisi. Komponen kisi-kisi pada dinding diletakkan berhampiran tingkap, yang berfungsi sebagai hiasan sekali gus membantu komponen tingkap menampilkan fungsinya pada binaan bangunan. Antaranya memudahkan pengaliran udara dan cahaya keluar masuk bangunan, membataskan pandangan luar dan memudahkan pergerakan fizikal (Zulkifli Hanafi, 1996: 122). Kisi-kisi dianggap sebagai celahan terbuka yang diletakkan pada tingkap, dihasilkan dengan pelbagai ukiran dan larikan. Bahkan, selain kisi-kisi, komponen celahan terbuka dari jenis ukiran juga mempunyai peranan yang sama, iaitu sebagai medium yang memudahkan pengaliran udara keluar masuk bangunan, sekali gus membantu sistem pengudaraannya.

“... maka digantung pula daun budi empat segi, indah pula rupanya dan bunyinya ditiup angin itu seperti bunyi buluh perindu...”

(*MM*, 1992: 54-55)

Petikan memerihalkan fungsi ukiran yang terdapat pada bangunan istana Sultan Iskandar Zulkarnain, yang jelas membantu sistem pengudaraan pada istana tersebut. Hal ini diperlihatkan menerusi penggunaan frasa ‘bunyinya ditiup angin itu seperti bunyi buluh perindu’. Dalam konteks ini, digambarkan bahawa ukiran daun budi mengeluarkan bunyi tertentu apabila angin melalui atau menembusnya. Dengan kata lain, ukiran daun budi yang cuba dinyatakan mempunyai celahan-celahan terbuka, yang membolehkan angin atau udara melaluinya sehingga mengeluarkan bunyi ‘seperti buluh perindu’. Jelaslah bahawa ukiran daun budi yang dinyatakan menerusi teks *MM* di atas menggambarkan fungsinya, sebagai komponen yang melancarkan sistem aliran udara pada binaan bangunan istana tersebut.

Sementara itu, penghasilan perenggan bumbung yang baik adalah bergantung kepada struktur bumbung yang teguh, kuat dan menarik. Hal ini hakikatnya diperlihatkan menerusi pembinaan sistem kekuda pada bumbung yang bukan sahaja menampung beban atap bangunan, malah turut menampilkan reka bentuk hiasan pada perenggan tersebut. Menerusi seni bina masyarakat Melayu, terdapat pelbagai jenis kekuda, bergantung pada berat beban yang akan ditanggung serta jarak antara alang panjang dengan komponen yang lain (Zulkifli Hanafi, 1996: 47). Antaranya ialah kekuda asas, kekuda tunjuk langit, kekuda kolar dan kekuda ‘jackroof’ atau bertingkat. Penggunaan komponen ini turut dinyatakan pada teks kajian sekali gus memaparkan kepentingannya kepada penghasilan bangunan Melayu, sebagaimana yang dinyatakan pada petikan berikut:

“ Pada antara senguap itu diperbuatnya belalang bersagi; sekaliannya dicat dengan air emas.”

(*SS*, 1979: 133)

Berdasarkan petikan, diperlihatkan wujudnya penggunaan komponen kekuda tunjuk langit menerusi “belalang bersagi” yang terdapat pada perenggan bumbung mahligai. Penggunaan jenis kekuda tunjuk langit adalah struktur yang bersesuaian dalam menampung beban pada binaan bumbung terbabit. Hal ini kerana, kekuda berkenaan merupakan jenis kekuda yang paling kuat berbanding kekuda dari jenis yang lain dan banyak digunakan pada bumbung rumah ibu, iaitu bumbung di bahagian utama sesebuah bangunan. Tambahan pula, dengan adanya komponen kayu tunjuk langit, menonjolkan reka bentuk hiasan yang menarik pada binaan tersebut.

Dalam hubungan ini, perenggan bumbung merupakan bahagian yang terletak di kemuncak bangunan, berbentuk sama ada rata atau curam untuk melindungi bangunan dari pelbagai ancaman, terutamanya iklim persekitaran (Hamidon Abdul Ralim, 1988: 41). Hal ini diakui oleh Mokhtar Haji Ismail (1994: 14), yang menekankan perihal reka bentuk bumbung sebagai bahagian penting, dalam mengetengahkan identiti sesebuah binaan, seperti pada binaan istana menerusi teks berikut:

“...pada antara kapa-kapa itu diberinya bumbungan melintang...”

(*SS*, 1979: 133)

Petikan memperlihatkan penggunaan reka bentuk bumbung melintang pada Mahligai Hawa Nafsu. Bumbung melintang merupakan bumbung panjang, yang

dihasilkan dengan menggunakan tulang perabung yang lurus mendatar dan letaknya memanjang bangunan. Menurut Mokhtar Haji Ismail (1994: 14), penggunaan bumbung berkenaan banyak terdapat pada kediaman-kediaman masyarakat Melayu di Melaka, dikenali sebagai rumah bumbung panjang.

Penelitian perenggan bumbung pada bangunan tradisional Melayu juga merangkumi komponen atap, iaitu bahagian teratas perenggan tersebut yang digunakan sebagai komponen bagi menutup bumbung (Zulkifli Hanafi, 1996: 67). Berdasarkan teks kajian, diperlihatkan reka bentuk atap bangunan tradisional Melayu sebagaimana petikan di bawah:

Istana itulah yang dinamai orang “Mahligai Hawa Nafsu”; atapnya tembaga dan timah disiripkan.” (SS, 1979: 134)

Petikan memerihalkan bumbung Mahligai Hawa Nafsu yang “disirip” dari bahan tembaga dan timah. Gambaran tersebut, menunjukkan reka bentuk asas atap genting, iaitu rekaan atap bumbung dari teknik sirip atau lapis. Kaedah penghasilan atap genting menerusi teknik sirip, merupakan kaedah meletakkan genting antara satu sama lain di atas kayu beloti, di susun dalam jarak tertentu secara berselang seli bagi memastikan atap bumbung tidak mengalami sebarang masalah kebocoran (Zulkifli Hanafi, 1996: 69). Umumnya, bumbung yang mengambil reka bentuk atap genting dihasilkan dari bahan tanah liat. Namun begitu, menerusi petikan, ditekankan penggunaan bahan pada bahagian atap mahligai yang diperbuat daripada bahan tembaga dan genting.

Penghasilan reka bentuk perenggan bumbung, yang jelas menerusi komponen-komponennya seperti kekuda, bumbung dan atap dibina dengan mengambil kira keadaan semasa, yang berkait dengan alam persekitaran masyarakat Melayu, terutamanya perihal iklim atau cuaca setempat. Malah, reka bentuk terbabit dihasilkan adalah bertujuan bukan sahaja untuk melindungi penghuni bangunan, bahkan memastikan seni bina tradisional tersebut kekal teguh dalam jangka masa tertentu agar dapat digunakan masyarakat ketika itu.

Sementara itu, bagi masyarakat Melayu, agama Islam merupakan agama anutan, yang diterima sebagai satu bentuk kebiasaan yang diwarisi dari generasi ke generasi dalam sistem masyarakatnya, diamalkan dan menjadi pegangan dalam segenap kehidupan khalayak. Amalan masyarakat Melayu yang berkait dengan agama Islam merupakan antara ritual khalayak. Misalnya, amalan ibadat sama ada solat, puasa dan zakat (Fazilah Idris et.al., 2012: 51). Amalan tersebut banyak ditekankan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu, sebagaimana yang dijelaskan pada petikan di bawah:

“Setelah sudah berlimau, maka sekaliannya berhimpun ke balai. Kerana baginda pagi-pagi itu sembahyang di balai dahulu. Setelah sudah bersembahyang berjemaah dengan imam pegawai-pegawai, maka baginda mengurniai ayapan akan segala orang yang di balai itu.”

(MM, 1992: 41)

Menerusi petikan, memperlihatkan amalan solat berjemaah, yang menjadi ritual bagi masyarakat Melayu beragama Islam pada ketika itu. Amalan tersebut turut memerihalkan fungsi ruang balai pada istana Sultan Iskandar Zulkarnain sebagai tempat menjalankan ibadat solat berkenaan, yang dilakukan bersama sultan, imam dan para pegawai. Dalam konteks ini, budaya ketara bangunan, yang diperlihatkan menerusi ruangan balai menjelaskan wujudnya corak hidup Islam dalam seni bina bangunan Melayu tradisional sebagaimana yang ditekankan oleh Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi dan rakan-rakan (2004: 32), yang menyatakan wujudnya kombinasi kesan corak kehidupan masyarakat Melayu dalam pembinaan bangunannya, termasuklah kesan corak hidup Islam sebagai elemen terpenting dalam pelan perancangan bangunan.

Corak hidup Islam yang mendasari pembinaan bangunan menerusi penggunaan ruang sebagai tempat berlakunya upacara ritual turut diperlihatkan apabila berlangsungnya upacara adat yang melibatkan ritual keagamaan. Sebagai contoh, dalam adat-istiadat perkahwinan Melayu, turut melibatkan ritual keagamaan menerusi upacara akad nikah. Akad nikah merupakan upacara penting dan dianggap sebagai titik permulaan yang mengesahkan atau menghalalkan jalinan hubungan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan sebagai suami isteri (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013: 3). Hal ini turut dinyatakan menerusi teks kajian, sebagaimana yang terdapat pada petikan:

“Setelah sudah, lalu diaraklah masuk ke dalam kota naik ke balai penghadapan. Maka baginda pun sedang dihadapi di atas singgahsana. Adapun setelah naik Raja Muda ke atas balai, maka balai itu pun penuh dengan sekalian manusia...Setelah sudah, maka bangkitlah seorang bentara, Paduka Seri Raja Muda gelarnya. Maka ia pun tinggal menjunjung titah baginda kepada Menteri Seri Paduka Tuan menyuruhkannya ia nikahkan anakanda baginda itu. setelah mendengar titah baginda maka ia pun bangkit masuk menjunjung Duli Yang maha Mulai baginda, lalu ia membaca khutbah Sayidina Ali nikah. Setelah sudah nikah, bangunlah Raja Muda masuk menjunjung duli ayahanda baginda; maka baginda pun berangkat masuk ke dalam istana.”
(MM, 1992: 21)

Petikan menjelaskan upacara akad nikah yang diadakan di ruangan balai penghadapan istana Berahman Indera. Balai penghadapan dalam konteks petikan terletak di bahagian hadapan istana, iaitu ruangan pertama atau ruangan permulaan dari bahagian hadapan sebelum memasuki ruang dalam istana. Upacara ritual akad nikah yang diadakan pada ruangan tersebut menampilkan perlambangan berkenaan permulaan sebelum memasuki kehidupan berumah tangga yang dijalinkan menerusi lafaz nikah sebagaimana kedudukan ruangan balai penghadapan, iaitu ruangan pertama sebelum memasuki istana. Dalam penelitian ini, jelas bahawa balai penghadapan dalam konteks ini merupakan simbol kepada lafaz nikah, manakala, istana menjadi simbol kepada kehidupan berumah tangga. Hal ini turut disentuh pada teks kajian, sebagaimana yang dijelaskan pada petikan berikut:

“...yang di dalam negeri Perak ini sekaliannya menurut di bawah takhta raja Muda pada masa itu. Maka sudah dua buah istana Pulau Tiga lengkap dengan seperti adatnya, tetapi yang kedua itu seperti terkuranglah sedikit

daripada anak raja-raja. maka ada baginda itu berputera seorang perempuan baik parasnya putih kuning; dinamakan oleh ayahanda baginda Raja Sabda dan umurnya baru tiga tahun.

(*MM*, 1992: 10)

Pada petikan, memperlihatkan penggunaan budaya ketara bangunan, iaitu istana sebagai perumpamaan, yang merujuk sebagai isteri. Raja Muda digambarkan mempunyai “dua buah istana” atau dua orang isteri di Pulau Tiga. Perlambangan berkenaan memerihalkan cita rasa keindahan masyarakat Melayu terhadap kehidupan berumah tangga. Penggunaan budaya ketara bangunan yang merujuk sebagai kiasan bagi isteri atau alam perkahwinan sering digunakan dalam pertuturan Melayu, antaranya “orang rumah”, “rumah tangga” dan “nyonya rumah”. Hakikatnya, penggunaan budaya ketara bangunan ini sebagai kiasan adalah bertujuan sebagai eufemisme atau pemanis kata bagi menggantikan perkataan atau frasa asal dengan pernyataan yang lebih lembut, lebih baik, atau menyenangkan dan kurang berterus terang bagi memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar atau menyinggung perasaan (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2007: 25).

Dalam hubungan ini, masyarakat Melayu tradisional sememangnya terkenal dengan sikap bertimbang rasa dalam sebarang tindakan, yang dinyatakan oleh Ting-Toomey (1988) sebagai “other-concern positive faced” atau menjaga air muka (Noriati A. Rashid, 2005: 235). Perihal ini banyak dinyatakan dalam teks-teks Melayu terutamanya dalam menyuarakan pandangan dan pendapat mereka berhubung kelakuan dan tindakan golongan pemimpin, iaitu raja dan sultan. Hal ini hakikatnya berkait dengan pertuturan masyarakat Melayu, yang cenderung untuk menggunakan pertuturan bahasa halus atau kiasan misalnya peribahasa, bidalan, dan pepatah.

Seterusnya, ciri seni bina vernakular ini juga diperihalkan menerusi bangunan tradisional Melayu, yang berfokus kepada reka bentuk asas bahagian bumbung. Menurut Abdul Halim Nasir (1985: 3), rekaan pada bahagian bumbung merupakan lambang kepada sesebuah masyarakat dan kekal sebagai identiti bangsa tersebut. Hal ini demikian kerana, reka bentuk bumbung biasanya dibina berdasarkan pengaruh kebudayaan setempat, berbeza mengikut setiap daerah dan kelompok masyarakat (Muhammad Afandi Yahya, 1995: 76). Hal ini dapat diteliti menerusi petikan berikut:

“...pada antara kapa-kapa itu diberinya bumbungan melintang dan bergajah menyusu;...”
(*SS*, 1979: 133)

Petikan memerihalkan reka bentuk gajah menyusu pada bumbung Mahligai Hawa Nafsu. Rekaan ini merupakan antara jenis bumbung yang banyak digunakan pada kediaman di semenanjung tanah Melayu termasuk Melaka (Zulkifli Hanafi, 1996: 35). Hakikatnya, penggunaan bumbung gajah menyusu memperlihatkan hubungan masyarakat Melayu dengan alam sekitar, menerusi hasil peniruan terhadap objek alam iaitu figura anak gajah yang sedang menyusu. Ilham dari figura berkenaan kemudiannya dipindahkan ke dalam bentuk bumbung. Dengan itu, penghasilan rekaan ini menjelaskan hubungan masyarakat Melayu dengan alam persekitaran sekali gus menonjolkan kemampuannya dalam melahirkan identiti masyarakat.

Penghasilan reka bentuk bumbung gajah menyusu lahir dari cita rasa tukang seni terhadap keindahan yang terdapat pada alam persekitaran, iaitu figura anak gajah

menyusu. Hal ini melahirkan pengaruh yang kemudian menguasai pemikiran dan tingkah laku masyarakatnya. Dalam pengkajian ini, figura gajah menyusu menampilkan keindahan menerusi hubungan yang wujud antara anak dengan ibu, seperti kasih sayang dan perlindungan. Nilai tersebut mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku masyarakat, apabila terhasilnya reka bentuk pada bahagian bangunan yang bersesuaian dengan nilai pada objek alam. Nilai perlindungan pada figura anak gajah menyusu diolah dan dipindahkan ke bentuk bumbung, iaitu bahagian bangunan yang turut berperanan sebagai pelindung kepada bangunan serta penghuninya.

Dalam pada itu, pengaruh objek alam terhadap budaya ketara bangunan tidak hanya pada reka bentuk asasnya sahaja. Hal ini juga turut melibatkan aspek reka bentuk hiasan. Penghayatan terhadap objek alam berjaya membuahkan idea dalam penghasilan reka bentuk hiasan Melayu. Hal ini diperlihatkan menerusi pemakaiannya pada budaya ketara bangunan.

Kemuncak tingkapnya ditatah emas dan sulur bayungnya daripada perak
ditatah dengan perada terbang

(MM, 1992: 49-50)

Petikan menampilkan reka bentuk hiasan sulur bayung pada atap tingkap Balai Panca Persada iaitu motif yang terhasil daripada peniruan tunas tumbuhan bayung atau lembayung (Othman Yatim ed.,1987: 135). Motif tersebut merupakan antara motif yang sering menjadi pilihan tukang seni terutamanya pengukir bangunan atau kediaman. Hal ini demikian kerana, motif sulur bayung mempunyai keistimewaan tersendiri menerusi penelitian reka bentuknya yang menampilkan motif tumbuhan yang saling bergerak balas dan membentuk lingkaran (Azreena Abu Bakar et.al.,2013: 5).

Keistimewaan motif sulur bayung pada bangunan Melayu, bersangkutan paut dengan kedudukan pemakaian motif tersebut. Hal ini apabila motif sulur bayung banyak digunakan di bahagian kemuncak atau atap, sama ada atap bangunan atau atap tingkap (Rosta Harun et.al., 2011: 93). Hal ini juga dinyatakan pada teks kajian sebagaimana yang terdapat pada petikan di bawah:

“Adapun mahligai itu kemuncaknya dan sulur bayungnya daripada perak bertatahkan emas dan permata pudi manikam; dan atapnya tingkapnya daripada ijuk besi Khersani...”

(MM, 1992: 54)

Menerusi gambaran memperlihatkan pemakaian motif sulur bayung pada bumbung bangunan Mahligai Pulau Indera Sakti. Kecenderungan masyarakat Melayu dalam menampilkan motif tersebut pada bahagian bumbung, berkait rapat dengan pandangan masyarakat dalam menafsirkan reka bentuk hiasan tersebut. Motif sulur bayung bagi masyarakat Melayu melambangkan hubungan manusia dengan Pencipta [Allah s.w.t], menerusi solat dan doa. Hal ini diperlihatkan menerusi bentuk lingkaran pada motif yang menyerupai tangan manusia yang sedang menunaikan tahiyat dalam solat (Rosta Harun et.al., 2011: 93). Bahkan, motif tersebut juga menggambarkan nilai kesantunan dalam diri masyarakat Melayu, iaitu nilai merendah diri dan tidak sombong

sebagaimana yang disarankan dalam ajaran agama Islam (Hasnah Mohamad dan Norazlina Mohd Kiram, 2010: 88).

Dalam hal ini, motif sulur bayung yang digunakan sebagai reka bentuk hiasan Melayu terhasil dari cita rasa masyarakat Melayu terhadap keindahan pada objek alam, iaitu tunas pohon lembayung. Keindahan yang ditampilkan pada bentuk tunas yang menyerupai figura manusia berdoa dan solat, melahirkan pengaruh nilai merendah diri dengan mengagumi kehebatan ciptaan Allah s.w.t dalam pemikiran masyarakatnya. Hal ini kemudian turut mempengaruhi tingkah laku, apabila lahirnya reka bentuk hiasan sulur bayung, yang diletakkan pada kedudukan tertentu, seperti atap pada bangunan atau tingkap bersesuaian dengan nilai yang didukung agar bersesuaian dengan tujuannya dalam melahirkan makna yang bersesuaian.

Seterusnya, gambaran unsur estetik yang memperlihatkan perlambangan identiti masyarakat Melayu juga dapat diteliti menerusi pemakaian motif bunga tunjung pada bangunan Melayu tradisional. Penghasilan motif ini juga merupakan hasil peniruan terhadap objek alam, iaitu bunga teratai, yang kemudian dipindahkan ke bentuk hiasan Melayu. Keindahan yang ditampilkan pada bunga teratai, melahirkan nilai yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku masyarakat Melayu pada ketika itu. Dalam menampilkan kesan pemikiran, reka bentuk hiasan bunga tunjung juga dihasilkan pada kedudukan tertentu, bersesuaian dengan nilai yang ingin ditonjolkan pada motif berkenaan sebagaimana yang dinyatakan pada petikan berikut:

Berkisi-kisi lagi berlarik
Ukiran kaluk berbunga tunjung
Sehari-hari persembahan naik
Sekalian takluk semua menjunjung

Ukiran dan kaluk berbunga tunjung,
Istana di Pulau Indera Sakti,
Sekalian takluk habis menjunjung,
Senantiasa tiada terhenti.

(*MM*, 1992: 131)

Berdasarkan petikan puisi, diperihalkan penggunaan motif bunga tunjung pada bahagian kisi-kisi tingkap Mahligai Mercuri Alam di Pulau Indera Sakti. Penggunaan motif berkenaan pada bahagian kisi-kisi menonjolkan nilai tertentu yang merujuk kepada nilai mengalu-alukan tetamu (Hamzdun Harun, 2014: 174). Nilai ini juga ditampilkan pada puisi, menerusi rangkap “sehari-hari persembahan naik”, yang menekankan gambaran setiap hari, mahligai tersebut dikunjungi orang yang ingin mengadap raja. Oleh hal demikian, pemakaian motif bunga tunjung pada kisi-kisi tingkap mahligai menjelaskan nilai menghormati tetamu, dengan mengalu-alukan kedatangan mereka, bersesuaian dengan tujuannya dalam melahirkan ciri-ciri jaringan masyarakat dan menambah gambaran estetika pada rekaan motifnya.

Dalam pada masa yang sama, penggunaan reka bentuk hiasan pada bangunan tradisional Melayu juga turut menjadikan haiwan sebagai sumber peniruan yang dikenali sebagai motif fauna. Penggunaan motif berunsur fauna hakikatnya berkait rapat dengan unsur kepercayaan masyarakat Melayu (Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia, 2009: 65). Hal ini didorong oleh faktor tertentu yang bersangkutan paut

dengan ciri-ciri fizikal haiwan berkenaan yang dilihat sebagai manifestasi pendidikan dan peringatan kepada diri, keturunan dan masyarakat Melayu (Hamdzun Haron et al., 2014: 177). Gambaran pemakaian motif ini dikenal pasti pada teks kajian seperti yang dijelaskan menerusi petikan berikut:

“Maka berbagai-bagai-bagai pula tulisan yang indah-indah...daripada awan dan mega dan ombak dan batu dan ikan dan burung berbagai-bagai-bagai rupa dan warnanya. ...”
(*MM*, 1992: 55)

Petikan memperlihatkan pemakaian motif fauna yang terdiri daripada motif ikan dan burung pada Mahligai Pulau Indera Sakti. Dalam hal ini, penonjolan manifestasi pendidikan dilihat menerusi pemikiran pada sifat haiwan yang dikatakan sebagai lambang kekuatan dan kebanggaan, disebabkan oleh ciri fizikalnya yang mampu bergerak jauh (Siti Zainon Ismail, 1985: 26). Malah, gambaran pemikiran tersebut juga timbul hasil dorongan sosial, yang menjadikan ikan dan burung sebagai sumber rezeki bagi masyarakat Melayu (Mokhtar Haji Ismail, 1992: 109). Pemikiran ini lahir dari cita rasa keindahan yang terdapat pada sumber alam dan dorongan sosial yang mempengaruhi akal [fikiran] dan tingkah laku masyarakat. Penggunaan motif fauna sebagai medium pendidikan juga memperlihatkan tujuan dalam melahirkan ciri-ciri jaringan masyarakat melalui nilai-nilai didaktik yang terkandung di dalamnya.

Di samping itu, unsur estetik yang terdapat pada motif fauna juga diperlihatkan menerusi penggunaan motif naga pada hasil budaya ketara bangunan yang juga berkait dengan penonjolan manifestasi pendidikan menerusi gambaran ciri-ciri fizikal haiwan tersebut. Pemakaian motif ini dapat diteliti pada petikan di bawah:

“...atapnya kaca yang putih; sudah itu, maka diperbuatnya pula oleh segala tukang yang pandai-pandai empat ekor naga mengulur kepada kemuncak balai itu menyembur dari mulutnya pada tempat pemandian itu. adapun naga itu bersisikkan emas dan berculakan manikam dan matanya daripada mutiara yang merah. Maka daripada empat penjuru balai itu empat buah pula balai. Maka daripada balai yang empat buah itulah, naga itu mengulur terlalu ajaib perbuatannya itu; seperti perbuatan orang keinderaan. ...”

(*MM*, 1992: 50)

Petikan tersebut memerihalkan dengan teliti ciri-ciri fizikal pada motif ukiran naga iaitu mempunyai sisik emas, cula dari manikam dan mata dari mutiara merah. Penggunaan motif naga yang menekankan ciri-ciri fizikal menampilkan manifestasi pendidikan menerusi gambaran pemikiran sebagai lambang kepada kekuatan dan keberanian sebagaimana yang dinyatakan oleh Hamdzun Haron dan rakan-rakan (2014: 178), motif naga yang terhasil dalam masyarakat Melayu adalah berdasarkan karakter fizikalnya yang kuat dan besar, sebagai lambang keberanian dan kekuatan menghalau makhluk-makhluk jahat. Malah beliau turut menekankan penghasilan motif berkenaan yang bersumberkan dari alam sosial, iaitu hasil gambaran kisah-kisah lagenda dan cerita rakyat sebagaimana yang disampaikan oleh Tok Dalang atau penglipur lara.

Namun begitu, selepas kedatangan Islam, penilaian seni ukiran yang bermotifkan naga berubah mengikut asas dan kepercayaan yang telah digariskan. Motif naga yang terdapat pada bangunan-bangunan Melayu dianggap sebagai lambang

kepada kerendahan hati (Abdullah Mohamed, 1989: 43-45). Hal ini pada dasarnya berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Melayu yang menganggap naga sebagai makhluk ciptaan Allah s.w.t dan mengagumi ciptaan-Nya. Hal ini mengakibatkan timbulnya rasa keinsafan dan kerendahan hati dalam diri manusia selaku hamba, seterusnya memupuk rasa keimanan dan ketakwaan. Begitu juga ukiran naga pada pengangkutan air, yang jelas mengarah kepada kepercayaan berkenaan semangat dan motivasi dalam membantu masyarakat dalam memperoleh rezeki (Ismail Ahmad, 1999: 137).

Penghasilan motif naga dalam konteks ini bertitik tolak dari cita rasa masyarakat Melayu tentang keindahan pada ciri-ciri fizikal naga yang naga diperoleh dari hasil penelitian alam sosial, iaitu menerusi penceritaan kisah-kisah lagenda dan cerita rakyat. Berdasarkan gambaran fizikal tersebut, lahirlah nilai-nilai seperti kekuatan, keberanian dan kerendahan hati yang kemudiannya mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku masyarakatnya. Dengan itu, lahirlah motif-motif naga yang bertujuan sebagai medium didaktik sekali gus mendidik manusia ke arah pembentukan nilai-nilai moral masyarakatnya.

Kesimpulan

Ciri vernakular jelas diperlihatkan menerusi seni bina bangunan Melayu tradisional, merangkumi bahan dan teknik penghasilan yang menggambarkan aspek sosial masyarakat yang terdiri daripada perihal budaya dan gaya kehidupan khalayaknya. penelitian terhadap bangunan Melayu tradisional, memperlihatkan kepentingan mutu penghasilan sesebuah bangunan. Hal ini merangkumi reka bentuk asas dan reka bentuk hiasan yang diaplikasikan dalam penghasilan bangunan. Malah, pemilihan bahan juga dianggap penting, bagi mengekalkan mutu dan kualiti sesebuah bangunan. Penelitian ini juga memperlihatkan hubungan bangunan Melayu dengan alam persekitaran, yang menjadi sumber bahan dan sumber peniruan sama ada pada reka bentuk asas atau reka bentuk hiasan. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan hubungan masyarakat Melayu dengan alam persekitarannya.

Reka bentuk bangunan memainkan peranan penting dalam memastikan kemampuannya binaan dalam memenuhi keperluan kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini hakikatnya berkait ilmu pengetahuan berkenaan reka bentuk bangunan yang bersesuaian dengan mengambil kira aspek persekitarannya. Alam persekitaran bukan sahaja menyumbang kepada keberhasilan bangunan Melayu, malah juga menjadi ancaman kepadanya. Oleh hal demikian, dengan adanya ilmu, berserta pertimbangan terhadap alam persekitaran, lahirnya reka bentuk bangunan yang dapat menjamin kesejahteraan masyarakat sekali gus memanfaatkan penggunaan alam sebagai kemudahan semula jadi. Ilmu tersebut diamalkan, dikuasai dan diperluas menerusi hasil binaan bangunan.

Bibliografi

- A. Samad Ahmad. 1979. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab Aziz Bin Shuaib. Seni Ukiran Kayu Tradisional Kelantan- Manifestasi Nilai Pengukir. Seminar Warisan Nusantara & Bicara Kraf Warisan di Universiti Malaysia Sabah pada 9-11 Disember 2011.
- Abd Jalil Bin Mohd Hassan. 1993. *Perkahwinan Dalam Islam Berdasarkan Kepada Dalil, Hukum, Hikmat dan Panduan Kebahagiaan*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Abdul Halim Nasir. 1985. *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Cheras: Darulfikir.
- Abdullah b. Mohamed (Nakula). 1980. *Falsafah dan Pemikiran Orang-Orang Melayu Hubungannya dengan Islam dan Kesenian*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Ahmad Fauzi Mohd Basri. 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aryanti Abd Rashid. 2010. Reka Bentuk Rasuk Kayu Menggunakan MS 544 Dan BS 5268- Kajian Kesan Saiz. *Ijazah Sarjana Muda*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azreena binti Abu Bakar, Nangkula Utaberta. 2013. Motif-Motif Ukiran Pada Rumah Tiang Dua Belas Di Kelantan Dan Terengganu. *Journal Design & Built*. Vol. 6. Hlm. 1-11.
- Brunskill. 2000. Vernacular Architecture: An Illustrated Handbook. (Faber & Faber, 4th ed.: 27-28.
- Fazilah Idris, Nur Riza Mohd Suradi, Siti Syaznira Muhamad, Khairul Anuar Mastor, Hasnan Kasan & Khalim Zainal. 2012. "Influence of Ritual Behaviour on Religious Delinquent Behaviour Among Youth: a Path Analysis Approach". *Procedia- Social and Behaviour Sciences* 58. Hlm. 51-60.
- Hamidon Abdul Ralim. 1988. *Asas Pembinaan Rumah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hamzdun Haron, Nor Afian Yusof, Mohamad Taha & Narimah Abdul Mutalib. 2014. Motifs of Nature in Malay Traditional Craft. *Middle-East Journal of Scientific Research*. Jil.21 (1). Hlm. 169-180.
- Hasnah Mohamd & Norazlina Mohd Kiram. 2010. Pendekatan Sosioterminologi Dalam Pengistilahan Seni Kraf Melayu. *Jurnal Rampak Serantau*. Vol.17 (3).Hlm.79-95.

- Ira Mentayani. 2012. "Menggalikan Makna Arsitektur Vernakular: Ranah, Unsur dan Aspek-aspek Vernakularitas. *Journal of Architecture*, Vol. 1. 2(8): 68-82.
- Ismail Ahmad. 1999. *Pengangkutan di Air dalam Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J.F Dumanauw. 2001. *Mengenal Kayu*. Yogyakarta, Indonesia: Penerbit Kanisius.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. *Garis Panduan Upacara Akad Nikah Di Masjid Dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Lim Jee Yuan. 1989. *The Malay House*. Pulau Pinang: Institut Masyarakat Pulau Pinang.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, Kamaruddin Mohd Ali, Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin, Ra'alah Mohamad, Gurupiah Mursib. 2004. *Warisan Seni Bina Dunia Melayu Rumah-Rumah Tradisional*. Sudai: Johor, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mokhtar Haji Ismail. 1992. *Rumah Tradisional Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Muhammad Afandi Yahya. 1995. *Simbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid. 2005. Nilai Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jil. 15. Hlm. 232-253.
- Oliver, Paul. 1997. *Encyclopedia of vernacular Architecture of The World*. Vol.3. Cambridge: Cambridge University Press.
- Othman Mohd Yatim. 1989. *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia. 2009. *Ukiran Kayu: Warisan Melayu*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan kraf tangan Malaysia.
- Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff. 2007. *Tradisi Lisan: Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosta Harun dan Fadhilah Othman, 2011. "Traditional Ecological Knowledge (TEK) in Selected Heritage Mosque of Malacca, Malaysia." *World Applied Science Journal*. 14. Hlm. 88-96.
- Saidatul Normis Hj Mahali. (2007). *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

- Siti Chamamah Soeratno. 2009 .“Peranan Naskhah Melayu bagi Kehidupan di era Global.”*Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa manuskrip Melayu: 53-57.*
- Siti Zainon Ismail. 1985. *Reka Kraf tangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar. 2007. *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Hanafi. 1996. *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Kulim, Kedah: Amber-Solara Publication.